

ISSUE #17/7 DISEMBER 2024

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION





Azira Shafinaz, Fabian Loo Terbaik Asia Pasifik

Pelakon kelahiran Malaysia, Azrina Shafinaz dan Fabian Loo berjaya mengharumkan nama negara apabila berjaya dinobatkan sebagai Pelakon Pembantu Wanita serta Lelaki Terbaik di Festival Filem Asia Pasifik (APFF) ke-61.

Bersaing dengan barisan pelakon antarabangsa lain, Azira atau nama lengkapnya Azira Shafinaz Ramlan, 32, berpuas hati penat lelah selama 10 tahun berkecimpung dalam industri dunia hiburan berbaloi selepas memenangi anugerah keduanya itu.

"Saya sangat teruja dan terkejut apabila berjaya menerima anugerah ini kerana saya cuma dijemput dan diberitahu filem Indera menjadi filem pembukaan bagi FFAP-61. Saya hanya boleh cakap saya bersyukur, berbesar hati dan merendah diri."

"Alhamdulillah bagi saya penat lelah saya berbaloi dan saya harap tidak akan terhenti sampai di situ dah ada lagi peluang untuk saya pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, bagi aktor Fabian Loo, 33 pula mengakui terkejut malah tidak mengetahui dirinya tercalon bagi kategori tersebut.

"Saya sangat terkejut kerana saya tidak tahu nama saya tercalon dan apabila saya terima banyak mesej yang ucap tahniah saya rasa pelik."

"Saya sangat teruja, terkejut dan dalam masa sama saya rasa sangat bertuah sebab ia seperti mimpi."

"Ibu bapa saya juga ada ucapan tahniah dan memuji saya, saya rasa mereka dah faham kerja saya" ujarnya kepada Gempak.

Ketika majlis, Fabian Loo bagaimanapun tidak dapat hadir dan diwakili pengarah filem Rain Town, Tengku Mona.

Untuk info, Azira meraih kemenangan tersebut menerusi filem Indera arahan Woo Ming Jin manakala Fabian Loo pula menerusi filem arahan Tunku Mona Riza iaitu Raintown.

Menerusi kategori Pelakon Pembantu Wanita Terbaik APFF61, Azira menewaskan empat lagi finalis dari Iran (*Junks and Dolls*), Thailand (*How To Make Millions before Grandma Dies*), Indonesia (*Woman From Rote Island*) dan Taiwan (*A Boy and A Girl*).

Fabian juga telah menewaskan empat lagi finalis lain dari China (*The Last Dance*), Thailand (*Eye Of The Storm*), Vietnam (*Side-Seeing The Movie*) dan turut mengalihkan rakan senegara, Farid Kamil untuk filem *Gold*.

- UMIRAH HALIM

P5 PLUS



6 3 0 6



20A 20

P5 PLUS



19A 19

P5 PLUS



18A 18



17A 17

Karakter-Karakter Ikonik AZIRA SHAFINAZ

Sejak 2012, Azira Shafinaz mula menghiasi kaca televisyen dan layar filem menerusi beberapa naskhah popular.

Berikut merupakan 4 watak ikonik dalam filem & drama yang dilakonkan oleh Azira Shafinaz.

One Cent Thief

Menggalas watak sebagai Intan Azizan, drama premium 8 episod ini merupakan naskhah pertama Azira yang membuka peluang kepada dirinya untuk melakonkan watak melibatkan babak aksi.

Mengetengahkan genre jenayah thriller, drama ini mengisahkan seorang pekerja bank di Bintang Bank yang menggodam sistem keselamatan untuk mencuri satu sen dari setiap akaun pelanggan bank bagi mendapatkan jumlah wang yang besar.

Ijab Kabut

Ijab Kabut berkisarkan kehidupan Deana (Azira Shafinaz), seorang penerbit muzik yang bercita-cita mahu merealisasikan majlis perkahwinan yang sempurna namun bertukar mimpi negeri apabila tunangnya memutuskan hubungan mereka.

Berkat lakonannya menerusi drama tersebut, Azira berjaya meraih trofi sulungnya menerusi kategori Pelakon Wanita Komedi Terbaik di Anugerah Kreatif Akademi Asia (AACAA 2023).

Sheriff: Narko Integriti

Memainkan watak sebagai Asisten Superintendant (ASP) Shazlin dan kakak kepada Nazri, filem ini berjaya menjadi fenomena pada tahun 2024 dengan kutipan sebanyak RM61 juta selepas sebulan ditayangkan.

Biarpun karakter yang diberikan adalah percubaan pertamanya, namun lakonan Azira berjaya menimbulkan emosi luar biasa selain membuatkan penonton terkesima dengan lakonan mantap yang diberikannya.

Filem ini mengisahkan tentang anggota polis dari Jabatan Integriti iaitu Sheriff (Zul Ariffin) bergandingan dengan Nazri (Shafiq Kyle), seorang anggota polis muda dari Jabatan Narkotik untuk menumpaskan sindiket dadah Tony Ifrit.

Talbis Iblis

Membawakan watak sebagai Hajar, keberkesanan lakonan Azira menerusi filem seram ini berjaya meraih pujian netizen kerana berjaya menyampaikan emosi seorang ibu hamil dengan baik dan tangisan yang tidak dibuat-buat terutama babak melibatkan air mata.

Kiblat Ke Syurga

Menerusi drama Gempak Original Series, Kiblat Ke Syurga, Azira melakonkan watak wanita bernama Nina yang mengalami mimpi aneh hingga membawanya kembali ke jalan Allah.

Azira digandingkan bersama Iedil Putra, Syarul Ezani dan Datin Lisa Surihani.

Banjir 2024: Ini Baru Membanggakan, Pempengaruh Jalankan Misi Bantu Mangsa

Aksi seorang usahawan dan pempengaruh yang dikenali sebagai Juliana Mazlan sewaktu melawat mangsa banjir di pusat penempatan sementara (PPS) di Kelantan dengan memakai jaket sejuk berbulu menjadi buah mulut. Meski diketahui memberi sumbangan selain memasak untuk mangsa banjir, penampilan Juliana disifatkan sebagai tidak sesuai. Dan rasanya bukan usahawan wanita tersebut sahaja yang 'layak' diberitakan tetapi banyak lagi usaha serta sikap prihatin rakyat Malaysia yang tidak pernah kedekut membantu mangsa banjir patut dijadikan sebagai teladan.

Ini termasuklah barisan pengusaha seperti Restoren Colek Bini yang dikenali sebagai 'Kak Siti'; pemilik The Ve Cafe Bachok iaitu Shervin Fahri; Pemilik Nasik Berlauk Malam, Sudin Kubis; Pengasas Tina Beauty Coffee, Siti Nurul Atina; Pengasas Elrah iaitu El Azman; yang turut meringankan beban mangsa banjir.

Siapa lagi adi wira banjir yang telah memberi sinar harapan kepada puluhan ribu mangsa musibah ini di negeri di Pantai Timur termasuk Kelantan dan Terengganu serta beberapa daerah di Perak dan Kedah (Utara). - MALIAH SURIP



Abang Viva

Penah digelar hero banjir dan menerima pengiktirafan berkat bantuan yang dihulurkan kepada mangsa banjir beberapa tahun lalu, sukarelawan terkenal, Azwan Omar atau lebih dikenali sebagai Abang Viva kembali menjalankan misi sama pada musibah tahun ini.

Tidak berseorangan, Abang Viva kini ditemani isteri tercinta yang juga seorang sukarelawan iaitu Evanova Zakaria dalam membantu menghulur bantuan kepada mangsa banjir termasuk di Terengganu dan Kelantan. Mereka antaranya membawa barang makan termasuk beras untuk diagihkan.



Khairul Aming

Usahawan dan pempengaruh Khairul Aming atau KA adalah individu yang paling mencuri tumpuan kerana sikap dan suri teladan yang ditunjukkan sebaik musibah banjir melanda sebahagian negeri di Malaysia.

Memfokuskan bantuan di bahagia Pantai Timur, dengan pengaruh yang dimiliki, KA tidak memerlukan masa yang lama dan kepercayaan masyarakat untuk ikut serta menjadi sukarelawan dalam misi bantuan tahun ini.

Usaha KA juga disokong oleh ramai pempengaruh lain dan syarikat termasuk pendiri Mydin yang menawarkan barang di pasarayannya digunakan untuk diagihkan kepada mangsa banjir dengan sistem 'bayar kemudian'.



Alif Syukri

Datuk Alif Syukri dan isteri, Datin Shahida juga menjadi usahawan dan pempengaruh yang menunjukkan keprihatinan dan sokongan terhadap mangsa banjir dengan melakukan misi tiga hari dua malam mereka.

Pasangan itu berkongsi momen menyantuni mangsa-mangsa banjir di PPS antaranya membawa sumbangan yang diperlukan. Alif dan isteri juga dilihat menjalankan misi bantuan bersama pasangan sukarelawan Abang Viva dan isteri, Evanova.

Alif menerusi perkongsian di Instagram memberitahu sumbangan dan bantuan yang dihulurkan hasil sokongan pembeli produknya.

Drama Hidup Zahnita Wilson, Rahsia Di Sebalik Kaca Mata Hitam

Istilah media sosial adalah 'dunia tipu-tipu' barangkali sangat sesuai untuk diguna pakai oleh semua pengguna platform tersebut.

Ramai yang mempamerkan kehidupan hampir sempurna namun sebaliknya tidak.


Itu perkara yang mengejutkan apabila bekas model dan pelakon, Zahnita Wilson mendedahkan realiti sebenar yang ditelan sepanjang 20 tahun mendirikan rumah tangga.

Zahnita, 39, mendedahkan menjadi mangsa keganasan rumah tangga dan terpaksa menggunakan perkongsian di media sosial sebagai 'pintu' meloloskan diri daripada 'neraka kehidupannya'.

Wajah lebam terutama pada bahagian mata mendedahkan ibu empat anak itu dipukul ; entah buat berapa kesekian kalinya sepanjang menjadi isteri kepada Abd Zackery Ghousz Abd Gafoor, 46.

Ia sekaligus membongkar rahsia di sebalik penampilan Zahnita kerap memakai kaca mata hitam meski berada di dalam rumah.

Pendedahan tersebut membawa kepada penangkapan Zackery yang kemudian menghadapi pertuduhan mendarangkan kecederaan terhadap Zahnita pada Khamis lalu. Mengejutkan, Zackery juga didapati positif dadah.



Namun Zackery tidak mengaku bersalah di atas pertuduhan melakukan kecederaan dibacakan di hadapan Majistret Tengku Eliana Tuan Kamaruzaman, Kuantan, Pahang.

Insiden yang berlaku terhadap Zahnita membuatkan wanita itu diberi perhatian. Dia antaranya disifatkan sebagai seorang yang kuat, tabah dan penyabar sehingga mampu bertahan hidup dengan lelaki yang bukan hanya mencederakan fizikal tetapi juga batinnya.

Bagaimanapun ada segelintir netizen mempersoalkan tindakan Zahnita tidak meminta cerai atau mlarikan diri daripada lelaki itu sebelum ini.

"Saya bertahan demi anak tapi malangnya, makin teruk. Bukan mudah nak berdepan dengan orang narsistik. Memang susah untuk lari."

"Hanya orang yang ada dalam situasi yang sama mesti faham, bukan senang nak keluar," dedahnya dalam sebuah perkongsian di media sosial.

Kini selepas nekad keluar daripada hubungan toksik tersebut, Zahnita bukan sahaja sudah mempunyai tabungan tetapi siap untuk berjuang dan bercerai dengan lelaki tersebut. Dia juga dilihat menjalani kehidupan seperti biasa, memenuhi tempahan pie yang di luar jangkaan.

Semoga insiden yang menimpa Zahnita menjadi iktibar dan para isteri memegang pesanan dia iaitu menyimpan bukti, menanti waktu sesuai serta memiliki tabungan yang cukup sebelum melakukan tindakan keluar daripada masalah.

GEMPAK SINEMA



TAJUK: Babah
Pengarah: Mohd Shah Faizul
Pelakon: Qi Razali, Sweet Qismina, Cristina Suzanne, Adam Lee
Genre: Drama

Mengisahkan perjalanan seorang ayah bernama Isyak (Qi Razali) dalam membesarkan anak perempuannya, Maya (Sweet Qismina) menempuh kehidupan sukar.

Pada masa sama Isyak kehilangan kerjaya dan bergelut dengan masalah kesihatan serta hilang deria pendengaran.

Kesulitan hidup mereka menjadikan ikatan semakin kuat!



TAJUK: Lembayung
Pengarah: Baim Wong
Pelakon: Anna Jobling, Taska Namya, Yasamin Jasem, Arya Saloka, Oka Antara
Genre: Seram/Thriller

Lembayung diinspirasikan daripada kisah yang viral di aplikasi X membawa penonton mengikuti kisah dua pelatih pergigian, Pica dan Arum, yang menjalani latihan di sebuah klinik di pinggir bandar Yogyakarta.

Kehidupan mereka berubah menjadi mimpi ngeri apabila seorang pesakit misteri berambut panjang muncul pada waktu malam, mencetuskan peristiwa aneh dan menyeramkan.

Keadaan menjadi lebih tegang apabila Arum dirasuk, memaksa Pica membongkar rahsia gelap klinik itu sebelum lebih ramai menjadi mangsa.



TAJUK: Gala
Pengarah: Da-heng Zeng
Pelakon: Yu LiangEn, You Lee, Chia-Yi Chu
Genre: Seram

Selepas bercuti di sebuah resort, Marcy, seorang ibu mengalami kejadian aneh, dan pekerjanya mati secara misteri. Anaknya, Ah Xu, menyembunyikan kejadian itu dan bekerjasama dengan rakannya untuk menyiasat kejadian aneh.

Rahsia gelap resort itu mula terbongkar, mengancam keselamatan mereka semua.

Sofea Shra, Anna Jobling, Tun Laila Dominasi Kedudukan Semasa Top 20 GMWA!

Pempengaruh Sofea Shra mendominasi kategori Digital Creator (Beauty & Fashion) Tergempak dalam senarai Top 20 Gempak Most Wanted (GMW) Awards 2024.

Manakala, Anna Jobling dan Tun Laila menduduki tangga pertama masing-masing dalam kategori Selebriti Tergempak dan Digital Creator (Motivation & Education) Tergempak.


Meninjau beberapa kategori lain, lagu Diam (Hael Husaini) berjaya meletakkan diri di tangga teratas kategori Video Muzik Tergempak dan SAH (Sarah Suhairi & Alfie Zumi) di tangga pertama kategori Lagu/Audio Tergempak.

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Undi calon Top 20 GMW Awards 2024 untuk melayakkan calon kesayangan anda ke pusingan Top 5 GMW Awards 2024 yang akan diumumkan tidak lama lagi.



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta terkini Top 20 GMW Awards 2024.

DIGITAL CREATOR (E-SPORTS) TERGEMPAK

1. Sekys
2. Achai
3. Kambing Golek
4. Pok Ro
5. Aul

DRAMA TERGEMPAK

1. Andai Tiada Dia
2. Kelas Tahanan Cikgu Hiragi
3. Uncle Bos Mama
4. Nuh & Nayla
5. Dedaun Hijau Di Angin Lalu

DIGITAL CREATOR (BEAUTY & FASHION) TERGEMPAK

1. Sofea Shra
2. Malia
3. Leslie
4. Agy
5. Tyra Kamaruzzaman

DIGITAL CREATOR (ENTERTAINMENT) TERGEMPAK

1. Ryan Bakery
2. Wan Chai
3. Yeeettt
4. Kasih Iris Leona
5. Farihin Arnia

SELEBRITI TERGEMPAK

1. Anna Jobling
2. Fattah Amin
3. Meerqueen
4. Erysha Emyra
5. Syafiq Kyle

Usaha Tegas Raikan 21 Artis Muda Malaysia Di Pertandingan Seni Warisan 2024

Majlis Anugerah Pertandingan Seni 'Usaha Tegas Heritage' telah mengangkat 21 bakat muda Malaysia yang telah mengetengahkan keunikan dan gambaran luar biasa mereka tentang kekayaan budaya di Malaysia melalui sentuhan seni.

Majlis ini telah meraikan 25 karya pemenang menerusi 5 kategori lukisan seperti arang atau pensil, minyak pastel atau dakwat, media campuran, minyak atau akrilik, cetakan dan cat air.

Pertandingan seni pada tahun ini memberi fokus tema "Warisan Malaysia," dengan memberi penekanan terhadap warisan budaya .



astro
Prima

Lebih BerWARNA

Rancangan di Astro Warna akan bersiaran di Astro Prima dan secara on demand mulai 3 Disember 2024.

Astro Prima Akan Lebih Berwarna Dengan Konten Komedi

Astro Prima (saluran 105) akan menjadi destinasi hiburan keluarga terbaik dengan penambahan kandungan dari Astro Warna mulai 3 Disember 2024.

Astro Prima kini menjadi saluran utama untuk semua jenis hiburan, termasuk komedi mencuit hati dan kisah-kisah kehidupan sebenar yang memberi inspirasi.

Sebagai sebahagian daripada perubahan ini, Astro Warna hanya boleh ditonton secara eksklusif secara On Demand dan di Astro GO.

Astro Prima (saluran 105) juga boleh diakses melalui On Demand dan Astro GO, menawarkan rancangan kegemaran anda pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja, eksklusif buat semua pelanggan Astro.



15,000 Hangatkan Nyala Fest

Nyala Fest 2024, yang berlangsung pada 30 November di Stadium Hoki Bukit Jalil, telah membuktikan ia festival muzik lokal bertaraf antarabangsa.

Acara ini menawarkan pengalaman yang hampir sempurna dengan pengisian seni pada waktu pagi, lokasi yang strategik, dan pembahagian tempat duduk yang teratur, memberikan keselesaan kepada penonton.

Paling penting, sistem bunyi yang berkualiti tinggi menambahkan keunikan pengalaman ini, menjadikan setiap persembahan pemuzik lebih berkesan dan menyenangkan.

Barisan pemuzik yang ditampilkan, seperti Feby Putri, Pamungkas, Romantic Echoes, Noh Salleh, dan Bernadya, mencipta suasana yang menyala dengan persembahan luar biasa. David Bayu sempat mendendangkan Gerimis Mengundang sebelum ditutup Diskoria dengan kemas.

9 Anak Sabah Gamatkan Sumandak Stars

Konsert 'A Night With Sumandak Stars - Ceritera Hatiku' Orange International Entertainment mencatat sejarah baharu apabila sembilan penyanyi wanita kelahiran Sabah seperti Azharina Azhar, Ayu Damit, Salma, Adira, Marsha Milan, Nikki Palikat, Bella Astillah, Didi Astillah dan Wani Kayrie berjaya memukau ribuan penonton di Zepp, Kuala Lumpur.

Masing-masing mempamerkan bakat nyanyian dan tarian tersendiri menerusi pelbagai lagu popular antaranya Sumandak Sabah, Crazy In Love X Bang Bang, Hanya Di Mercu, Cinta, Drama, Pujaan Hati, Aku Permata, Elegi Sepi, Bermanja-Manja dan Tapi Denganmu. Konsert diakhiri dengan kejutan istimewa apabila semua artis bergabung menyanyikan medley Anak Kampung dan Original Sabahan.






Financial Faiz

@financialfaiz ✅

Duit Tabung Kecemasan, Pelindung Di Saat Perlu



Dalam kehidupan seharian, tiada siapa yang dapat menjangka apa yang bakal berlaku pada masa hadapan

Oleh itu Pendidik Kewangan, Faiz Azmi atau lebih dikenali sebagai Financial Faiz menyatakan memiliki tabung kecemasan adalah satu keperluan yang tidak boleh diabaikan.

Menurut Faiz, tabung kecemasan berfungsi sebagai pelindung kewangan apabila berdepan situasi tidak dijangka seperti kemalangan, penyakit, atau kehilangan pekerjaan.

"Tabung kecemasan adalah tabung yang paling penting sekali, sebab kita tidak mahu jika berlaku sesuatu kecemasan seperti nak masuk hospital misalnya akan mengganggu proses kemasukan kerana guarantee letter belum lulus.

"Namun sebab kita sudah ada duit tabungan kecemasan ia akan memudahkan urusan kita pada masa sama kalau kita tidak mempunyai tabung kecemasan.

"Bayangkan jika kita dibuang kerja, bagaimana kita mahu hidup untuk tiga hingga enam bulan? Maka akan susah buat kita, sebab itu kita perlu ada tabung kecemasan," kata Faiz kepada Gempak.

Pada masa sama, Faiz juga menyatakan selain mempunyai tabung kecemasan, rakyat Malaysia juga boleh membuat tabungan untuk keperluan diri sendiri seperti tabung membeli kendaraan, perkahwinan atau bercuti. - ASYRAF ROSLAN

Artikel dan video penuh di www.gempak.com



Datuk Nicol David Inducted Into PSA Hall Of Fame

Malaysian squash legend Datuk Nicol David was inducted into the Professional Squash Association (PSA) Hall of Fame during a ceremony in Hong Kong.

Celebrated for her unmatched career, she holds eight World Championship titles, reigned as World No. 1 for 108 months, and won two Commonwealth Games golds. Nicol joins previous inductees Jahangir Khan and Susan Devoy, highlighting her significant impact on the sport.




Terengganu Man's Floating House Goes Viral As Flood-Proof Innovation

A man from Terengganu, A. Bakar Che Ahmad, gained online attention for building a floating house that remains safe during floods.

Dubbed 'Rumah Kelong', the house was constructed using 69 plastic drum containers as flotation devices and cost RM47,000, funded with help from his children. Built over three months, it features five bedrooms and one bathroom. Bakar secured the house with steel poles to prevent it from being swept away and avoided fixed stairs to ensure the structure would float freely.

Inspired by his earlier success with a floating chicken coop, he designed the home as a flood-resistant solution after experiencing severe floods over the years. Despite skepticism, the house successfully floated during a recent flood, proving its design effective and earning praise for its innovation.



The Life and Legacy of Ananda Krishnan

Ananda Krishnan, a prominent Malaysian tycoon, left a significant legacy through his contributions across multiple sectors, including telecommunications, media, and real estate. He founded major companies such as Maxis, Astro, and Measat, shaping Malaysia's telecommunications landscape.

Additionally, he played a pivotal role in the development of iconic structures like the Petronas Twin Towers and the KLCC complex. Krishnan's influence also extended internationally, where he helped finance the legendary 1985 Live Aid concert, contributing significantly to its success in raising funds for famine relief.

His philanthropic efforts were wide-reaching, focusing on education, the arts, and humanitarian causes, particularly in Malaysia. He was known for his quiet demeanor despite his vast wealth and success. His contributions continue to inspire future generations of entrepreneurs and leaders, leaving a lasting mark on both Malaysia and the world. Read more article in www.rojakdaily.com.